

**GARIS PANDUAN****ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT)****PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025****1. TUJUAN**

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk membantu **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** mengemukakan permohonan untuk penyertaan bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2025 Peringkat Negeri Perak. GP ini menggariskan syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AIPBT Tahun 2025.

**2. OBJEKTIF**

- 2.1 Menggalak dan meningkatkan kesedaran tentang inovasi di peringkat PBT;
- 2.2 Memberi pengiktirafan secara formal kepada PBT yang telah mencapai kecemerlangan pembudayaan dalam melaksanakan program-program peningkatan inovasi; dan
- 2.3 Menggalakkan persaingan sihat antara PBT ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

**3. HADIAH PENGHARGAAN**

Pemenang AIPBT Tahun 2025 Peringkat Negeri Perak akan menerima hadiah;

<b>PERTAMA</b>	Wang Tunai <b>RM10,000.00</b> , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KEDUA</b>	Wang Tunai <b>RM8,000.00</b> , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KETIGA</b>	Wang Tunai <b>RM5,000.00</b> , Piala dan Sijil Penghargaan

#### 4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah **diwajibkan** kepada semua **PBT Negeri Perak** dengan sekurang-kurangnya **satu (1) penyertaan dan maksimum dua (2) penyertaan** yang telah diiktiraf daripada pihak pengurusan PBT masing-masing;
- 4.2 Permohonan menyertai AIPBT hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan yang disediakan oleh urus setia. **Satu (1) borang bagi satu projek inovasi** yang ingin dipertandingkan;
- 4.3 Inovasi yang dipertandingkan adalah merupakan inovasi yang dihasilkan oleh PBT sendiri atau inovasi kerjasama melalui kolaborasi strategik dengan agensi lain;
- 4.4 Inovasi yang dihasilkan dalam tempoh **3 tahun** iaitu tahun **2023, 2024 & 2025** layak menyertai AIPBT 2025;
- 4.5 Projek Inovasi yang **tidak layak menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi** ialah;
  - 4.5.1 Projek Inovasi yang telah **memenangi** hadiah utama bagi mana-mana pertandingan di peringkat kebangsaan atau setaraf atau lebih tinggi anjuran agensi dalam negara atau luar negara pada tahun ini atau tahun-tahun sebelumnya; dan
  - 4.5.2 Projek yang dibangunkan menggunakan peruntukan/ dana/ geran yang berkaitan penyelidikan (R&D).
- 4.6 Inovasi yang dicalonkan untuk **AIPBT Tahun 2025 tidak boleh menyertai Anugerah Inovasi dalam kategori yang lain** kecuali Anugerah Inovasi Menteri Besar;

- 4.7 Inovasi disaran menepati ciri-ciri *Customer Initiative Improvement*, *Customer Saving* dan *Quality Enhancement* yang boleh menghasilkan faedah dan impak yang jelas kepada organisasi;
- 4.8 Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat **Inovasi Penciptaan** (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau **Inovasi Penambahbaikan** (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif);
- 4.9 Inovasi yang pernah menyertai AIPBT sebelum ini, boleh menyertai anugerah ini dengan syarat penambahbaikan telah dilakukan kepada projek inovasi berkenaan;
- 4.10 Projek/ Hasil Ciptaan Inovasi yang terpilih akan didaftarkan di bawah nama Kerajaan Negeri Perak dan menjadi hak cipta Kerajaan Negeri Perak. Pembayaran bagi pendaftaran hak cipta tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak serta 10 peratus hasil pengkomersialan (sekiranya ada) perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak; dan
- 4.11 Tarikh tutup penyertaan ditetapkan pada **15 JULAI 2025**;
- 4.12 Keputusan Panel Penilaian AIPBT 2025 adalah **MUKTAMAD**.

## 5. PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN

PBT yang ingin menyertai AIPBT 2025 Peringkat Negeri Perak perlu menyediakan dokumen permohonan sebagai asas penilaian.

5.1 Dokumen tersebut hendaklah mengandungi empat (4) bahagian iaitu;

BIL	BAHAGIAN	PERKARA
1	Bahagian Pertama	<b>Ringkasan Eksekutif</b>  Ringkasan profil dan ciri-ciri kecemerlangan agensi yang berteraskan inovasi yang kreativiti.
2	Bahagian Kedua	<b>Latar Belakang Agensi</b>  Bahagian ini menerangkan tentang profil agensi.
3	Bahagian Ketiga	<b>Laporan Penuh</b>  Laporan mestilah <b>menjawab keseluruhan Kriteria Penilaian AIPBT 2025</b> yang telah ditetapkan seperti yang terkandung dalam Garis Panduan. Penggunaan gambar, jadual dan graf adalah digalakkan.
4	Bahagian Empat	<b>Rumusan</b>  Mengenai sebab-sebab mengapa PBT berkenaan wajar dipertimbangkan untuk memenangi AIPBT <b>(dalam bentuk <i>bullet points</i>)</b> .

5.2 Penulisan dokumen AIPBT hendaklah menggunakan **font Arial dengan saiz 12, line spacing 1.5 dan portrait orientation.**

**6. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AIPBT 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK**

- 6.1 Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan PBT memenuhi syarat kelayakan penyertaan;
- 6.2 Penilaian dan senarai pendek oleh Panel Penilaian AIPBT berdasarkan Komponen A, B dan C dalam Kriteria Penilaian AIPBT 2025;
- 6.3 Penilaian pertama akan dilakukan oleh Panel Juri dan PBT yang melepasi syarat-syarat kelayakan AIPBT 2025 dikehendaki hadir ke Sesi Pembentangan pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan;
- 6.4 Perakuan pemenang AIPBT oleh Jawatankuasa Induk; dan
- 6.5 Pengumuman pemenang AIPBT akan diumumkan semasa Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 pada **bulan Oktober 2025**.

**7. SKALA PEMARKAHAN KRITERIA PENILAIAN AIPBT 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK**

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH
1	Pengurusan Organisasi	15
2	Inovasi Dalam Perkhidmatan Teras	60
3	Usaha-Usaha dan Pembudayaan Inovasi	25
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

**8. KRITERIA PENILAIAN AIPBT 2025**

<b>A. PENGURUSAN ORGANISASI</b>		<b>15 MARKAH</b>
<b>A1. PENGURUSAN KEWANGAN (4 MARKAH)</b> Kriteria ini menilai aspek-aspek yang melibatkan proses-proses perancangan, pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar mengenai pencukaian, belanjawan, perbelanjaan, perolehan, perakaunan dan lain-lain yang berkaitan dengannya.		
<b>SUB KRITERIA</b>	<b>ASPEK-ASPEK YANG DINILAI</b>	<b>MARKAH</b>
i. Pengurusan Kutipan Hasil Cukai / Bukan Cukai berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi kutipan hasil</li> <li>• Prestasi kutipan tunggakan hasil cukai</li> <li>• Teguran Audit Negara mengenai kutipan hasil</li> <li>• Usaha-usaha bagi meningkatkan hasil cukai</li> </ul>	<b>2 Markah</b>
ii. Pengurusan Bajet dan Akaun berdasarkan bajet tahunan yang diluluskan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi Perbelanjaan Mengurus</li> <li>• Prestasi Perbelanjaan Pembangunan</li> <li>• Teguran Audit Negara mengenai perbelanjaan</li> <li>• Sijil Bersih Audit terkini</li> </ul>	<b>2 Markah</b>

## A2. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (2 MARKAH)

Kriteria ini bertujuan meneliti keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh PBT mengemblemkan dengan sepenuhnya potensi sumber tenaga manusia ke arah peningkatan perkhidmatan berkualiti.

SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan dan pelaksanaan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)</li> </ul>	<b>1 Markah</b>
ii. Pengurusan Tatatertib	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratus penyelesaian kes-kes <b>tatatertib biasa</b> (kes tidak hadir bertugas bagi tempoh tertentu serta kes-kes tatakelakuan atau prestasi kerja yang tidak memuaskan) yang tertunggak sehingga tahun semasa.</li> </ul>	<b>1 Markah</b>

## A3. PENGURUSAN ICT ORGANISASI (2 MARKAH)

Kriteria ini menilai aspek-aspek penggunaan teknologi maklumat sebagai alat pemangkin keberkesanan dalam pengurusan organisasi ke arah penyediaan perkhidmatan PBT yang berkualiti.

SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Penggunaan ICT di PBT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratusan penggunaan ICT untuk meningkatkan perkhidmatan PBT (secara atas talian)</li> </ul>	<b>2 Markah</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha-usaha menggalakkan penggunaan perkhidmatan secara atas talian kepada warga dan masyarakat</li> </ul>	

**A4. PANDANGAN PENDUDUK (7 MARKAH)**

Kriteria ini menilai setakat mana sesuatu infrastruktur dan prasarana yang disediakan oleh PBT telah meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Berdasarkan Borang Soal Selidik Pandangan Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahap efisien kawasan PBT berdasarkan 13 aspek:               <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Ekonomi bandar</li> <li>b. Kemudahan masyarakat, utiliti dan sosial</li> <li>c. Infrastruktur dan utiliti</li> <li>d. Rekabentuk, imej dan landskap bandar</li> <li>e. Pengangkutan dan perhubungan</li> <li>f. Perdagangan / perkhidmatan</li> <li>g. Perkilangan / perindustrian</li> <li>h. Pelancongan dan budaya</li> <li>i. Perumahan</li> <li>j. Keselamatan dan kawalan</li> <li>k. Governans</li> <li>l. Alam sekitar</li> <li>m. Perkhidmatan secara <i>online</i> / e-Governans</li> </ul> </li> </ul>	<b>4 markah</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pandangan umum penduduk tentang kecekapan PBT</li> </ul>	<b>3 markah</b>

<b>B. INOVASI DALAM PERKHIDMATAN TERAS</b>		<b>60 MARKAH</b>
<p><b>B1. HASIL INOVASI YANG INOVATIF (Inovasi diperkenalkan mulai 2023 hingga 2025 (15 MARKAH))</b></p> <p>Kriteria ini merujuk kepada inovasi yang merangkumi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh PBT yang berasaskan perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT dan diukur dari segi kreativiti dan inovatifnya.</p>		
<b>SUB KRITERIA</b>	<b>ASPEK-ASPEK YANG DINILAI</b>	<b>MARKAH</b>
i. Inovasi yang dihasilkan adalah bersifat <i>leading edge</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadi peneraju utama dalam pelaksanaan inovasi di pelbagai peringkat</li> <li>• Rujukan oleh PBT / agensi lain (<i>benchmark</i>)</li> <li>• Melebihi masa kini (sekarang) dan memenuhi keperluan masa depan</li> </ul>	<b>5 Markah</b>
ii. Usaha inovasi yang dijalankan merangkumi perubahan yang menyeluruh dan sistematik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seluruh Bahagian / Unit dalam PBT (kolaborasi semua Unit / Bahagian)</li> <li>• Penerimaan / penglibatan anggota organisasi</li> <li>• Mempunyai sistem menyeluruh dan difahami secara terperinci</li> <li>• Sistem yang canggih dan terkini / Idea baharu / penambahbaikan</li> <li>• Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan hasil yang tinggi</li> </ul>	<b>5 Markah</b>
iii. Inovasi mempunyai elemen <i>value creation</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai nilai cemerlang</li> <li>• Nilai tambah yang diperakui terbaik</li> <li>• Penjimatan kos &amp; masa</li> </ul>	<b>5 Markah</b>

**B2. KEBERKESANAN HASIL INOVASI (15 MARKAH)**

Kriteria ini merujuk kepada hasil dan impak daripada inovasi tersebut diukur dengan mengambil kira tahap keberkesanan yang positif terhadap peningkatan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT.

SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Inovasi yang dihasilkan mestilah mempunyai faedah yang nyata	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faedah yang berterusan</li> <li>• Faedah yang disanjung tinggi dan tidak membebankan pengguna</li> </ul>	<b>6 Markah</b>
ii. Inovasi yang dihasilkan menunjukkan keberkesanan dari segi hasil yang mampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Inovasi yang dihasilkan mampu menyelesaikan masalah atau menambah baik perkhidmatan sedia ada</li> </ul>	<b>5 Markah</b>
iii. Inovasi yang dihasilkan meningkatkan tahap kepuasan kumpulan sasaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahap kepuasan kumpulan sasaran</li> <li>• Pengurangan dalam bilangan aduan pelanggan</li> <li>• Kajian yang menyeluruh sebelum dan selepas pelaksanaan inovasi</li> </ul>	<b>4 Markah</b>

**B3. HASIL INOVASI YANG SIGNIFIKAN (20 MARKAH)**

Kriteria ini merujuk kepada hasil-hasil inovasi yang mempunyai ciri-ciri yang signifikan, penting dan berimpak tinggi kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan teras PBT.

SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Inovasi yang dihasilkan adalah signifikan yang mana ia memaparkan keberhasilan yang penting	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penting kepada perkhidmatan awam, organisasi dan bahagian</li> </ul>	<b>10 markah</b>
ii. Inovasi dihasilkan dengan usaha yang signifikan serta sokongan pihak berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Impak kepada PBT</li> <li>• Terdapat penjana hasil yang ketara</li> <li>• Penjimatan kos</li> </ul>	<b>10 markah</b>

**B4. HASIL INOVASI YANG RELEVAN (10 MARKAH)**

Kriteria ini merujuk kepada hasil inovasi yang relevan dan boleh meningkatkan nilai tambah kepada negara / negeri.

SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Inovasi yang relevan dengan arus perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Inovasi yang dihasilkan sangat relevan dengan arus perdana dan memenuhi agenda semasa negara / negeri.</li> </ul>	<b>5 Markah</b>
ii. Inovasi mengambil kira persekitaran semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Usaha inovasi yang ditunjukkan mengambil kira persekitaran semasa sama ada di peringkat tempatan atau pun global</li> </ul>	<b>5 Markah</b>

<b>C. USAHA-USAHA DAN PEMBUDAYAAN INOVASI</b>		<b>25 MARKAH</b>
<b>C1. PENGURUSAN PELAKSANAAN INOVASI (6 MARKAH)</b> Kriteria ini merujuk kepada penilaian terhadap komitmen pihak pengurusan dalam melaksanakan inovasi.		
<b>SUB KRITERIA</b>	<b>ASPEK-ASPEK YANG DINILAI</b>	<b>MARKAH</b>
i. Jawatankuasa Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Jawatankuasa Inovasi</li> <li>• Kekerapan mesyuarat</li> <li>• Pelaksanaan keputusan mesyuarat</li> <li>• Pemantauan pelaksanaan</li> <li>• Sistem pengiktirafan dalaman</li> </ul>	<b>6 Markah</b>
<b>C2. AKTIVITI PENANDA ARASAN (2 MARKAH)</b> Kriteria ini merujuk kepada usaha PBT untuk mencontohi agensi lain bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan di PBT.		
<b>SUB KRITERIA</b>	<b>ASPEK-ASPEK YANG DINILAI</b>	<b>MARKAH</b>
i. Amalan baik yang dicontohi daripada organisasi lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembuktian seperti surat tawaran, surat pengesahan, laporan dan lain-lain</li> </ul>	<b>2 Markah</b>
<b>C3. MEKANISMA UNTUK MENDAPATKAN IDEA-IDEA INOVASI (2 MARKAH)</b> Kriteria ini merujuk kepada usaha bagi meraih idea inovasi yang dilaksanakan oleh PBT.		
<b>SUB KRITERIA</b>	<b>ASPEK-ASPEK YANG DINILAI</b>	<b>MARKAH</b>
i. Saluran/ medium yang digunakan untuk mendapatkan idea inovasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh seperti pertandingan kumpulan inovatif dan kreatif (KIK), peti cadangan dan lain-lain</li> </ul>	<b>2 Markah</b>

<p><b>C4. PROMOSI HASIL INOVASI KEPADA MASYARAKAT (1 MARKAH)</b></p> <p>Kriteria ini merujuk kepada hasil inovasi yang mempunyai ciri-ciri yang signifikan, penting dan berimpak tinggi kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan teras PBT.</p>		
SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Hebahan melalui media elektronik atau bukan elektronik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Medium hebahan hasil inovasi yang digunakan</li> </ul>	<b>1 Markah</b>
<p><b>C5. AMALAN BAIK YANG DICONTOHI ORGANISASI LAIN (4 MARKAH)</b></p> <p>Kriteria ini merujuk kepada bagaimana hasil inovasi yang dilaksanakan dapat menjadi ikutan atau mencapai tahap <i>'best practices'</i> bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan di PBT lain atau agensi luar yang lain.</p>		
SUB KRITERIA	ASPEK-ASPEK YANG DINILAI	MARKAH
i. Amalan baik yang dicontohi organisasi lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembuktian seperti surat penghargaan, surat pengesahan, laporan dan lain-lain</li> <li>• <i>Replicability (Kebolehulangan)</i></li> </ul>	<b>4 Markah</b>

<b>C6. PENGIKTIRAFAN TERHADAP INOVASI (10 MARKAH)</b>		
<p>Kriteria ini merujuk kepada penilaian ke atas pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh PBT melalui inovasi yang dipertandingkan dalam AIPBT pada tahun 2023, 2024 dan 2025.</p>		
<b>SUB KRITERIA</b>	<b>ASPEK-ASPEK YANG DINILAI</b>	<b>MARKAH</b>
i. Perlindungan harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Usaha-usaha melindungi hasil inovasi</li> </ul>	<b>10 Markah</b>
ii. Pengiktirafan yang diterima	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anugerah / pengiktirafan yang diterima (perlu di sertakan dengan bukti)</li> </ul>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN MARKAH</b>		<b>100</b>

Hanya **Johan** bagi setiap kategori yang memperoleh **markah 80 peratus dan ke atas** sahaja yang layak untuk dipertandingkan / menyertai **Anugerah Inovasi Menteri Besar Tahun 2025**.

## 9. TATACARA PERMOHONAN

Setiap permohonan hendaklah mematuhi tatacara permohonan seperti berikut:

- 9.1 Mengemukakan borang permohonan menyertai AIPBT 2025 Peringkat Negeri Perak seperti di Lampiran A yang telah ditandatangani oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua PBT sebelum atau pada **15 JULAI 2025**;
- 9.2 Mengemukakan **softcopy Laporan AIPBT 2025 melalui emel: aipbtperak@gmail.com / google drive** atau mana-mana platform yang bersesuaian berserta **dua (2) salinan** laporan dalam bentuk **hardcopy** kepada pihak urus setia sebelum atau pada **15 JULAI 2025**;

- 9.3 Calon yang melepasi saringan pertama akan dipanggil untuk sesi pembentangan pada bulan September 2025. Calon perlu menyediakan **dua (2) salinan *slide* pembentangan AIPBT 2025 dalam bentuk *hardcopy***;
- 9.4 Mengemukakan senarai semak permohonan menyertai AIPBT 2025 Peringkat Negeri Perak AIPBT seperti di **Lampiran B**; dan
- 9.5 Pihak urus setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.
10. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan AIPBT 2025, tuan/puan boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN  
ARAS B, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000, IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**

Encik Hairuddin Ruzaili bin Hambali : 019-776 6564 / 05-209 5831  
Puan Asnida binti Isa : 013-528 2849 / 05-209 5834  
E-mel : [aipbtperak@gmail.com](mailto:aipbtperak@gmail.com)

**LAMPIRAN A**

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN  
ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT)  
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

PROJEK INOVASI			
Tajuk Projek Inovasi			
Kategori Projek Inovasi (Sila tanda/pada yang berkaitan)	Penciptaan baharu	<input type="checkbox"/>	Penambahbaikan
Projek siap / mula dilaksanakan			
Projek Inovasi ini pernah/ tidak dipertandingkan dalam mana-mana anugerah inovasi (Sekiranya ada sila nyatakan Nama Pertandingan, Tahun Penyertaan dan Pencapaian)			
MAKLUMAT PBT			
Nama PBT			
Alamat Pejabat			
MAKLUMAT PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI			
Nama			
Jawatan			
No. Telefon	Pejabat:	Bimbit:	
No. Faks			
Emel			
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
<p>Saya mengesahkan bahawa PBT yang dinamakan di atas bersetuju menyertai pertandingan ini.</p> <p>.....</p> <p align="center"><b>Tandatangan</b></p> <p><b>Datuk Bandar / Yang Dipertua</b> <span style="float: right;"><b>Cop Jabatan:</b></span></p> <p><b>Nama:</b></p> <p><b>Jawatan:</b> <span style="float: right;"><b>Tarikh:</b></span></p>			

TAJUK PROJEK INOVASI: \_\_\_\_\_

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PERTANDINGAN  
ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT)  
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa perkara-perkara tersebut di atas telah dipatuhi dengan mengemukakan borang permohonan AIPBT Tahun 2025 berserta laporan yang dikehendaki:

**(Sila tandakan / bagi yang berkenaan)**

Menyertakan borang penyertaan pertandingan AIPBT Tahun 2025 seperti di Lampiran A yang telah disahkan oleh Datuk Bandar/ Yang Dipertua

Menyertakan dua (2) salinan Laporan AIPBT Tahun 2025 dalam bentuk *hardcopy*

.....  
Tandatangan

Cop Jabatan:

**Nama:**

**Jawatan:**

**Tarikh:**